

# 576 dapat bantuan MyKasih

» Program kerjasama JTI Malaysia salur bantuan makanan

Oleh Ahmad Ismail

► Labis

**S**eramai 576 keluarga kurang berkemampuan di Johor, Sabah, Perak, Pahang dan Kelantan menerima bantuan keperluan makanan bernilai RM80 sebulan di bawah Program MyKasih 'Sayangi Jiran Saya'.

Menerusi kerjasama anjuran JTI International Bhd (JTI Malaysia) dan Yayasan MyKasih itu, seramai 2,574 keluarga kurang berkemampuan sudah menerima pelbagai bantuan sejak ia dijalankan mulai tahun 2012 lalu.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chua Tee Yong, berkata kaedah penyaluran bantuan juga lebih mudah iaitu penerima akan diberikan kad khas bagi membolehkan mereka mendapatkan bekalan makanan di beberapa pasar raya terpilih.

"Program MyKasih adalah satu program bantuan untuk masyarakat kurang berkemampuan dan penderma akan menghantar sumbangan kepada MyKasih.

**Bantuan bulanan**

"Sumbangan berkenaan akan diagih-agihkan oleh syarikat korporat kepada individu layak dan dikreditkan ke dalam MyKad penerima," katanya sempena Majlis Pelancaran Program MyKasih 'Sayangi Jiran Saya' Parlimen Labis, di Dewan Majlis Daerah Labis, dekat sini.

Yang turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tenang, Azahar Ibrahim; Pengarah Hal Ehwal Korporat dan Komunikasi JTI Malaysia, Azrani Rustam dan Pengerusi MyKasih Parlimen Labis, Haslinda Salleh.

Tee Yong yang juga Ahli Parlimen Labis berkata, senarai penerima bantuan itu mem-babitkan ibu tunggal dan keluarga kurang bernasib baik menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga (MPWK).

"Saya lihat usaha ini sebagai usaha membantu golongan kurang bernasib baik mendapatkan bantuan bulanan yang disalurkan oleh syarikat korporat yang ingin membantu meringankan beban penerima," katanya.



Tee Yong (tengah) serta Azrani (kiri) **pada Majlis Pelancaran Bantuan Makanan MyKasih** di Labis, semalam. [FOTO AHMAD ISMAIL/BH]